

**KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU DEVIAN  
REMAJA DI JOHOR BAHRU**

**DYG HIDAYATIE FAZLEN BT ABANG SULAIMAN**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2019**



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku devian remaja di Johor Bahru. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak dengan melibatkan seramai 384 orang responden. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes. Instrumen kajian adalah satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A mengenai demografi responden, Bahagian B mengenai kekerapan penggunaan aplikasi dalam media sosial dan Bahagian C mengenai kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku devian remaja. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu peratusan, kekerapan, dan min serta statistik inferens iaitu Ujian-t dan korelasi pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Facebook merupakan jenis media sosial yang paling digemari oleh remaja di Johor Bahru. Manakala tingkah laku devian yang dominan dalam kalangan remaja akibat penggunaan media sosial di Johor Bahru adalah tingkah laku fitnah. Hasil dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kekerapan penggunaan aplikasi media sosial berdasarkan jantina [ $t(382) = 1.04$ ,  $p > 0.05$ ]. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesan penggunaan media sosial ke atas tingkah laku devian mengikut jantina [ $t(382) = 3.18$ ,  $p < 0.05$ ] bagi kesan devian fitnah, [ $t = 2.04$ ,  $p < 0.05$ ] bagi kesan devian penipuan, dan [ $t = 4.86$ ,  $p < 0.05$ ] bagi kesan devian lucah. Manakala bagi kesan devian buli, tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina [ $t = 1.86$ ,  $p > 0.05$ ]. Bagi dapatan persoalan kajian hubungan antara pola penggunaan media sosial dengan kesan terhadap tingkah laku devian remaja [ $r = 0.184$ ,  $p < 0.01$ ] menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Kesimpulannya, penggunaan media sosial mendorong kepada tingkah laku devian tanpa mengira jantina. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan media sosial memberi impak yang negatif kepada pembentukan jati diri seseorang remaja jika tidak dibendung secara terancang.





## THE EFFECT OF SOCIAL MEDIA TOWARD DEVIANCE AMONG TEENAGERS IN JOHOR BAHRU

### ABSTRACT

This study aimed to identify the impact of social media use on adolescent behavior in Johor Bahru. Sample selection was done randomly by involving 384 respondents. This study used case study method. The research instrument is a set of questionnaires which consists of three sections, Part A on respondents' demographics, Part B on the frequency of application in social media and Part C on the impact of social media use on adolescent behavior. The data obtained were analyzed by using descriptive statistic such as percentage, frequency, and min and inferential statistics t-test and pearson correlation. The findings show that Facebook is the kind of social media most loved by teenagers in Johor Bahru. While dominant deviant behavior among adolescents due to the use of social media in Johor Bahru is defamatory behavior. The findings also showed that there were no significant difference in the frequency of social media applications using gender [ $t(382) = 1.04, p > 0.05$ ]. However, there was a significant difference in the impact of social media use on deviant behavior according to gender [ $t(382) = 3.18, p < 0.05$ ] for deviant defamation effects, [ $t = 2.04, p < 0.05$ ] and [ $t = 4.86, p < 0.000$ ] for pornographic deviant effected. While for bullying deviant effect, there was no significant difference based on gender [ $t = 1.86, p > 0.05$ ]. For the findings of the question of the relationship between the social media uses and the effects on adolescent deviant behavior [ $r = 0.184, p < 0.01$ ], there was a significant relationship between the two variables. In conclusion, the use of social media leads to deviant behavior regardless of gender. The implications of the study indicate that the use of social media has a negative impact on the formation of a teenager's identity if it is not properly designed.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** ii

**PERAKUAN PENYERAHAN TESIS** iii

**PENGHARGAAN** iv

**ABSTRAK** v

**ABSTRACT** vi

**KANDUNGAN** vii

**SENARAI JADUAL** xiii

**SENARAI RAJAH** xvi

**SENARAI SINGKATAN** xvii

**SENARAI LAMPIRAN** xviii

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 5

1.3 Penyataan Masalah 8

1.4 Tujuan Kajian 13

1.5 Objektif Kajian 14

|        |                      |    |
|--------|----------------------|----|
| 1.6    | Soalan Kajian        | 16 |
| 1.7    | Hipotesis Kajian     | 17 |
| 1.8    | Kepentingan Kajian   | 18 |
| 1.9    | Limitasi Kajian      | 21 |
| 1.10   | Definisi Operasional | 22 |
| 1.10.1 | Media Sosial         | 22 |
| 1.10.2 | Remaja               | 22 |
| 1.10.3 | Tingkailaku Devian   | 23 |
| 1.10.4 | Fitnah               | 23 |
| 1.10.5 | Penipuan             | 24 |
| 1.10.6 | Lucah                | 25 |
| 1.10.7 | Buli                 | 25 |
| 1.11   | Kerangka Teori       | 27 |
| 1.12   | Kerangka Konseptual  | 29 |
| 1.13   | Kesimpulan           | 31 |

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

|     |                          |    |
|-----|--------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan               | 32 |
| 2.2 | Definisi Media Sosial    | 33 |
| 2.3 | Jenis Tingkailaku Devian | 34 |
| 2.4 | Kajian-kajian Lepas      | 41 |

|       |                                                    |    |
|-------|----------------------------------------------------|----|
| 2.4.1 | Kajian Luar Negara                                 | 41 |
| 2.4.2 | Kajian Dalam Negara                                | 50 |
| 2.5   | Teori-Teori Yang Berkaitan Penggunaan Media Sosial | 61 |
| 2.5.1 | Teori Kegunaan dan Kepuasan                        | 61 |
| 2.5.2 | Teori Sistem Kebergantungan Media                  | 65 |
| 2.5.3 | Teori Ekologi Media                                | 68 |
| 2.5.4 | Teori Pilihan Rasional                             | 71 |
| 2.6   | Kesimpulan                                         | 75 |

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|       |                                               |     |
|-------|-----------------------------------------------|-----|
| 3.1   | Pengenalan                                    | 77  |
| 3.2   | Rekabentuk Kajian                             | 78  |
| 3.3   | Populasi Dan Sampel                           | 81  |
| 3.4   | Instrumen Kajian                              | 85  |
| 3.4.1 | Kaedah Terjemahan Soal Selidik                | 89  |
| 3.4.2 | Kefahaman Responden Terhadap Soal Selidik     | 90  |
| 3.5   | Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian | 91  |
| 3.5.1 | Kesahan Instrumen Soal Selidik                | 91  |
| 3.5.2 | Kebolehpercayaan Instrumen Kajian             | 98  |
| 3.6   | Kajian Rintis                                 | 100 |
| 3.7   | Prosedur Kajian                               | 102 |

|       |                           |     |
|-------|---------------------------|-----|
| 3.8   | Analisis Data             | 105 |
| 3.8.1 | Analisis Deskriptif       | 106 |
| 3.8.2 | Analisis Ujian-T          | 107 |
| 3.8.3 | Analisis Korelasi Pearson | 107 |
| 3.9   | Lokasi Kajian             | 108 |
| 3.11  | Kesimpulan                | 110 |

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|         |                                                                                                                                             |     |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.1     | Pengenalan                                                                                                                                  | 111 |
| 4.2     | Analisis Deskriptif                                                                                                                         | 112 |
| 4.2.1   | Dapatan Kajian (Maklumat Demografi)                                                                                                         | 112 |
| 4.2.1.1 | Demografi Jantina                                                                                                                           | 113 |
| 4.2.1.2 | Demografi Umur                                                                                                                              | 114 |
| 4.2.1.3 | Pola Penggunaan Media Sosial                                                                                                                | 115 |
| 4.2.2   | Keputusan Persoalan Kajian                                                                                                                  | 116 |
| 4.2.2.1 | Apakah jenis media sosial yang menjadi kegemaran remaja di Johor Bahru?                                                                     | 117 |
| 4.2.2.2 | Apakah bentuk-bentuk tingkah laku devian yang paling dominan akibat penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Johor Bahru?           | 118 |
| 4.2.2.3 | Apakah bentuk-bentuk tingkah laku devian yang dominan akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru? | 120 |

|       |                            |     |
|-------|----------------------------|-----|
| 4.3   | Keputusan Hipotesis Kajian | 121 |
| 4.3.1 | Pengujian Ho(1)            | 121 |
| 4.3.2 | Pengujian Ho(2)            | 124 |
| 4.3.3 | Pengujian Ho(3)            | 126 |
| 4.3.4 | Pengujian Ho(4)            | 128 |
| 4.3.5 | Pengujian Ho(5)            | 130 |
| 4.3.6 | Pengujian Ho(6)            | 132 |
| 4.4   | Kesimpulan                 | 135 |

## BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

|       |                                                                                                                                 |     |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                                                                                                                      | 136 |
| 5.2   | Perbincangan Hasil Dapatan Kajian                                                                                               | 137 |
| 5.2.1 | Perbincangan Dapatan Kajian Jenis-Jenis Media Sosial Yang Menjadi Kegemaran Remaja Di Johor Bahru                               | 137 |
| 5.2.2 | Perbincangan Dapatan Kajian Bentuk-Bentuk Tingkah Laku Devian Yang Dominan Akibat Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja | 139 |
| 5.2.3 | Perbincangan Dapatan Kajian Tingkah Laku Devian Yang Dominan Akibat Penggunaan Media Sosial Mengikut Jantina                    | 141 |
| 5.2.4 | Perbincangan Dapatan Kajian Perbezaan Kekerapan Menggunakan Aplikasi Media Sosial Mengikut Jantina.                             | 144 |
| 5.2.5 | Perbincangan Dapatan Kajian Perbezaan Tingkah Laku Devian Fitnah Akibat Penggunaan Media Sosial Mengikut Jantina.               | 145 |



|       |                                                                                                                            |     |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.2.6 | Perbincangan Dapatan Kajian Perbezaan Tingkah Laku Devian Penipuan Akibat Penggunaan Media Sosial Mengikut Jantina.        | 147 |
| 5.2.7 | Perbincangan Dapatan Kajian Perbezaan Tingkah Laku Devian Lucah Akibat Penggunaan Media Sosial Mengikut Jantina.           | 148 |
| 5.2.8 | Perbincangan Dapatan Kajian Perbezaan Tingkah Laku Devian Buli Akibat Penggunaan Media Sosial Mengikut Jantina             | 150 |
| 5.2.9 | Perbincangan Dapatan Kajian Hubungan Antara Pola Penggunaan Media Sosial Dengan Kesan Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja. | 152 |
| 5.3   | Kesimpulan Hasil Dapatan Kajian                                                                                            | 155 |
| 5.4   | Implikasi Kajian                                                                                                           | 159 |
| 5.5   | Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan                                                                                          | 163 |
| 5.6   | Kesimpulan                                                                                                                 | 165 |
|       | <b>RUJUKAN</b>                                                                                                             | 167 |
|       | <b>LAMPIRAN</b>                                                                                                            |     |

## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                                                                                                    | Muka Surat |
|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1        | Statistik Salah Laku Remaja 2012-2013                                                              | 7          |
| 3.1        | Penentu Saiz Sampel                                                                                | 84         |
| 3.2        | Pembahagian Instrumen                                                                              | 88         |
| 3.3        | Penggunaan Skala Likert Lima Mata                                                                  | 89         |
| 3.4        | Penggunaan Skala Likert Kekerapan                                                                  | 89         |
| 3.5        | Pengubahsuaian Kesahan                                                                             | 93         |
| 3.6        | Nilai Kesahan Item Soal Selidik                                                                    | 94         |
| 3.7        | Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Mengikut Konstruk                                                 | 101        |
| 3.8        | Pengumpulan Borang Soal Selidik                                                                    | 103        |
| 3.9        | Pengujian Statistik                                                                                | 105        |
| 3.10       | Darjah Nilai Perhubungan Antara Dua Pembolehubah                                                   | 108        |
| 4.1        | Demografi Jantina Responden                                                                        | 114        |
| 4.2        | Demografi Umur Responden                                                                           | 115        |
| 4.3        | Pola Penggunaan Media Sosial                                                                       | 116        |
| 4.4        | Jenis-jenis Media Sosial Yang Digemari Remaja                                                      | 117        |
| 4.5        | Bentuk-bentuk tingkah laku devian yang dominan kesan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja | 119        |



|      |                                                                                                                 |     |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.6  | Bentuk-bentuk tingkah laku devian yang dominan mengikut jantina akibat penggunaan media sosial                  | 120 |
| 4.7  | Skor min dan sisihan piawaian kekerapan penggunaan aplikasi media sosial mengikut jantina                       | 122 |
| 4.8  | Perbezaan kekerapan penggunaan aplikasi media sosial mengikut jantina                                           | 123 |
| 4.9  | Skor min dan sisihan piawaian bagi tingkah laku fitnah akibat penggunaan media sosial mengikut jantina          | 124 |
| 4.10 | Perbezaan tingkah laku fitnah mengikut jantina                                                                  | 125 |
| 4.11 | Skor min dan sisihan piawaian bagi tingkah laku penipuan akibat penggunaan media sosial mengikut jantina        | 126 |
| 4.12 | Perbezaan tingkah laku penipuan mengikut jantina                                                                | 127 |
| 4.13 | Skor min dan sisihan piawaian bagi item tingkah laku lucu mengikut jantina akibat penggunaan media sosial       | 128 |
| 4.14 | Perbezaan tingkah laku lucu mengikut jantina                                                                    | 129 |
| 4.15 | Skor min dan sisihan piawaian bagi item kesan tingkah laku buli mengikut jantina akibat penggunaan media sosial | 130 |
| 4.16 | Perbezaan tingkah laku buli mengikut jantina                                                                    | 131 |
| 4.17 | Skor min dan sisihan piawai bagi pola penggunaan media sosial dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja  | 132 |
| 4.18 | Hubungan antara pola penggunaan media sosial dan kesan terhadap tingkah laku devian remaja                      | 133 |



## SENARAI RAJAH

| No. Rajah |                             | Muka Surat |
|-----------|-----------------------------|------------|
| 1.1       | Kerangka teori              | 27         |
| 1.2       | Kerangka konseptual         | 29         |
| 4.1       | Demografi Jantina Responden | 113        |

## SENARAI SINGKATAN

|          |                                                                    |
|----------|--------------------------------------------------------------------|
| $\alpha$ | <i>Cronbach's Alpha</i>                                            |
| Ho       | Hipotesis Nol                                                      |
| KPM      | Kementerian Pendidikan Malaysia                                    |
| M        | Mean                                                               |
| MS       | Media Sosial                                                       |
| NGO      | Pertubuhan Bukan Kerajaan ( <i>Non-Governmental Organization</i> ) |
| PDRM     | Polis Diraja Malaysia                                              |
| $r$      | Kolerasi Pearson                                                   |
| SP       | Sisihan Piawai                                                     |
| SKMM     | Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia                              |
| SPSS     | <i>Statistical Package for the Social Sciences</i>                 |
| >        | Lebih besar daripada                                               |
| %        | Peratus                                                            |

## SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Kajian
- B Data Analisis Kesahan Pakar
- C Surat Pengesahan Menjalankan Kajian
- D Output SPSS



## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Kemajuan dalam bidang teknologi hari ini merupakan satu pencapaian yang besar dalam pembangunan negara. Kemajuan dan kecanggihan teknologi telah menyumbang sedikit sebanyak manfaat kepada negara. Kebanjiran media-media sosial zaman sekarang ibaratkan cendawan tumbuh selepas hujan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia terhadap isu penggunaan internet 2017, media sosial yang paling popular dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah *Facebook* diikuti *Instagram*, *YouTube*,





*Wechat Moment, Google+* dan *Twitter*. Pada tahun 2016, sebanyak 21.9 juta pengguna telah didaftarkan dan 97.3% daripada jumlah tersebut merupakan pengguna media sosial *Facebook* (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2017).

Laporan daripada kajian yang telah dijalankan oleh Suruhajaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga mendapati pengguna lelaki lebih banyak mendaftar akaun media sosial berbanding pengguna perempuan apabila hasil kajian mendapati sebanyak 57.4 % pengguna lelaki telah mendaftar berbanding pengguna perempuan yang hanya sebanyak 42.6% pada tahun 2016. Apabila internet dan teknologi telefon bimbit menjadi semakin maju maka media sosial juga turut berkembang dengan pesatnya. Ini sepertimana yang telah dilaporkan oleh SKMM apabila seramai 89.4% pengguna menyatakan mereka menggunakan telefon mudah alih untuk mengakses internet.

Kini, untuk mengakses aplikasi-aplikasi media sosial ia boleh dilakukan di mana sahaja dan pada bila-bila masa hanya dengan menggunakan telefon bimbit (Luik, 2010). Kemampuan untuk mengakses media sosial melalui aplikasi mudah alih (*mobile web*) merupakan salah satu faktor pendorong remaja terlibat dengan tingkah laku devian. Hal ini kerana kecanggihan teknologi sekarang amat menarik dan menepati kehendak remaja zaman sekarang khususnya dengan adanya aplikasi-aplikasi yang memudahkan mereka. Perkembangan media sosial yang semakin pesat dengan ragam aplikasi seperti mengirim mesej, muat naik ataupun muat turun







gambar, permainan, *chat*, muzik, tayangan video menyebabkan penggunaanya sentiasa menghabiskan masa di hadapan skrin gadget miliknya tidak kira tempat dan masa.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Mohd Shamsuriyadi Mamat (2010), penggunaan media sosial telah menjadi perdebatan ekoran kesan daripada peningkatan jumlah pengguna laman media sosial khususnya media sosial *Facebook*. Di samping itu, kehadiran media sosial telah membawa kepada perubahan ke arah penyertaan masyarakat secara *online*. Penyertaan masyarakat bukan hanya terjadi di dunia nyata tetapi juga di dunia maya (Ali & Samsudin, 2012). Malah, media sosial telah memberikan impak terhadap penglibatan masyarakat dalam isu semasa (PewInternet, 2009; Ali & Samsudin, 2012) (dalam kajian Ika Destiana, et al. 2013). Penggunaan media sosial yang semakin menular dalam kalangan remaja sering kali dikaitkan dengan tingkah laku devian remaja. Hal ini kerana, peningkatan jumlah penglibatan remaja dalam masalah salah laku meningkat dari tahun ke tahun. Ini juga dapat kita lihat apabila pihak kerajaan turut memandang serius akan fenomena ini. Ini dibuktikan dengan kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak kerajaan dalam menyampaikan mesej kepada rakyat misalnya seperti Kempen Adab Kat Mana yang mana ia merupakan sebuah kempen yang memberi pendedahan kepada rakyat mengenai adab-adab dalam menggunakan media sosial.





Ini membuktikan peningkatan jumlah jenayah juvana yang dilakukan oleh remaja khususnya pelajar sekolah seperti gangsterisme, pergaduhan, rogol, seks bebas dan buli telah dapat dikaitkan dengan penggunaan media sosial. Statistik Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan seramai 214,033 anak tidak sah taraf dilahirkan dari tahun 2004 hingga 2009 manakala statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 596 kes pembuangan bayi dilaporkan dari tahun 2005 hingga 2011 (Parlimen, 2012). Ini dapat dibuktikan daripada hasil kajian Yong (2011) kesan ketagihan penggunaan media sosial mengundang gejala kemurungan dan masalah mental yang lain (dalam kajian Rickless Das., 2014). Ketagihan penggunaan media sosial juga memberi kesan kepada perubahan tingkah laku tanpa mereka sedari. Menurut Ketua Pengarah Institut Sosial Malaysia, Mohamed Fadzil Che Din, individu yang ketagihan *Facebook* tidak menyedari masalah yang dihadapinya (Rosmalina Abd.Kadir, 2010).

Menurut Norakmah Mat (2011) hampir 6000 remaja berusia antara 12 hingga 18 tahun menghabiskan sekurang-kurangnya empat jam untuk melayari media sosial. Ketagihan remaja menggunakan media sosial dikaitkan dengan mencari kenalan, menghilangkan bosan, keseronokan, *trend*, pembelajaran dan lain-lain. Kesan daripada penggunaan media sosial yang tiada batas dan had menyebabkan remaja terbabit dalam masalah seperti membuang masa, menipu, mencuri, melepak, ponteng, terlibat dengan gengsterisme, seks bebas, dan lain-lain. Keadaan ini boleh menimbulkan kesan negatif kepada remaja jika tidak dibendung dengan segera. Berdasarkan kepada beberapa kajian diatas dapatlah disimpulkan





bahawa penggunaan media sosial banyak memberi kesan yang negatif dalam diri remaja.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini adalah melihat penggunaan media sosial dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja. Secara umumnya, hampir semua remaja di Malaysia memiliki sekurang-kurangnya satu akaun media sosial. Berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh laman Statistika, penggunaan harian media sosial oleh pengguna internet secara global telah mencecah 106.2 minit sehari pada tahun 2015 berbanding 103.2 minit sehari pada 2014 dan Malaysia berada di tempat keenam mengikut negara dengan purata penggunaan 3.5 jam sehari (Utusan Online, 15 Disember 2015). Ini menunjukkan penggunaan media sosial di Malaysia amat tinggi. Fenomena ini amat membimbangkan semua pihak kerana pengguna media sosial tegar boleh menghabiskan masa melebihi 12 jam dengan melayari media sosial.

Remaja minat menggunakan internet khususnya media sosial adalah disebabkan oleh kemudahan yang disediakan oleh laman sosial tersebut. Melalui media sosial, remaja dapat berhubung terus secara atas talian, menyertai, berkongsi dan mencipta sesuatu maklumat yang dapat disampaikan melalui blog, rangkaian sosial, forum, dan dunia virtual dengan mudah (Ahlqvist.,2010; Kaplan & Haenlein, 2010). Lantaran itu juga, ketagihan remaja menggunakan media sosial turut





disebabkan oleh kemudahan seperti berupaya muat turun gambar, permainan, audio, video dan bukan sahaja sekadar untuk berkongsi maklumat (Kietzmann & Hermkens, 2011), menulis pada dinding (*Wall*) sendiri dan rakan, mengemaskini profil, menghantar mesej (*messages*) dan aktiviti bersembang (*chatting*) (Mohd Effendi, 2010).

Menurut Siti Ezaleila Mustafa (2013), *The New Age* melaporkan bahawa daripada 1.2 bilion pengguna yang melayari Internet di seluruh dunia, 82% daripada jumlah pengguna adalah mereka yang berusia 15 tahun dan melayari media sosial. Penggunaan media sosial telah menjadi fenomena global pada masa kini dan Asia merupakan antara pengguna terbesar media sosial.



Menurut kajian yang dilakukan oleh Adham Shadan (2010), remaja cenderung untuk melayari media sosial adalah kerana mempunyai perasaan “*sense of belonging*” yang kuat. Rozinah Jamaludin (2007), menyatakan remaja khususnya pelajar sekolah merupakan mereka yang ketagihan penggunaan media sosial disebabkan oleh ketiadaan disiplin dalam diri pelajar, pengurusan masa yang tidak teratur dan tiada kawalan daripada keluarga atau orang lain yang lebih dewasa.

Berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), peningkatan kes yang melibatkan remaja dalam masalah sosial adalah sebanyak 4,116 kes pada tahun 2013 iaitu sebanyak 7,816 kes berbanding hanya 3,700 kes pada 2012 (Kosmo: 2 Oktober 2014; Berita Harian: 4 Mei 2014). Ini



seperti mana yang dijelaskan dalam kajian Nurzatil Ismah Azizan et. al (2015), yang mana berlakunya peningkatan keruntuhan akhlak melibatkan remaja saban tahun.

Berikut merupakan statistik salah laku remaja yang dilaporkan:

Jadual 1.1  
*Statistik Salah Laku Remaja 2012-2013*

| Kategori                       | Tahun | Jumlah |
|--------------------------------|-------|--------|
| Jenayah ringan                 | 2012  | 1042   |
|                                | 2013  | 1632   |
| Jenayah berat                  | 2012  | 368    |
|                                | 2013  | 542    |
| Jenayah remaja lepasan sekolah | 2012  | 849    |
|                                | 2013  | 2011   |

Selain itu juga, menurut Mohammad Aziz Shah., (2013), penggunaan media sosial menggalakkan perbuatan jenayah. Dimana terdapat banyak kes jenayah seperti rogol, penculikan serta pembunuhan berlaku kerana melalui perkenalan singkat di ruangan media sosial yang mana mereka menjadi mudah terpedaya dengan ajakan individu yang tidak dikenali. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama dalam membendung fenomena ini, kerana remaja merupakan aset penting negara pada masa hadapan. Hasrat kerajaan terutamanya untuk menyediakan golongan remaja yang mempunyai sahsiah diri yang baik, berdaya



saing serta berintelektual tinggi tidak akan tercapai jika penyimpangan norma-norma masih tinggi dalam kehidupan remaja.

Selain itu, remaja merupakan cerminan dan gambaran kepada imej negara. Pelanggaran norma-norma dalam diri remaja akan menyebabkan imej negara tercalar secara tidak langsung ia akan melambangkan identiti sesebuah negara tersebut. Ibarat pepatah bahasa melambangkan bangsa. Oleh itu, pentingnya kajian ini untuk melihat sejauh manakah remaja itu bijak mengaplikasikan kemudahan teknologi pada masa kini.



### 1.3 Pernyataan Masalah Kajian



Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja pada hari ini merupakan sesuatu fenomena yang tidak asing lagi. Media sosial merupakan sebuah kumpulan aplikasi berasaskan internet yang dibangunkan melalui teknologi web 2.0 yang boleh digunakan terus secara talian (Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid, 2012). Media dan teknologi memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat dan mendidik masyarakat. Media sosial memberi banyak kesan positif dan negatif hasil daripada penggunaan yang berterusan. Media dianggap sebagai satu mekanisme perhubungan yang kuat kerana ia boleh memberi impak yang sangat besar dalam aspek kehidupan seseorang. Hampir setiap hari remaja akan menghabiskan masa mereka dengan mengakses jaringan media sosial. Johardy





(2010) mendapati remaja menghabiskan masa mereka lebih dari 30 minit setiap hari untuk melayari media sosial.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada *Internet User Survey 2017* daripada SKMM ([www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)) mendapati jumlah pengguna media sosial meningkat saban tahun. Pada tahun 2016, statistik telah menunjukkan peningkatan pengguna media sosial di Malaysia iaitu sebanyak 76.9% atau 24.5 juta berbanding pada tahun 2015 yang hanya 24.1 juta pengguna dilaporkan.

Menurut Kaplan, A. M., & Haenlein, M. (2010) dan Alsanie, S. I. (2015), sebab utama aplikasi media sosial ini berjaya menarik minat pelbagai golongan adalah kerana mudah digunakan untuk berkomunikasi dalam pelbagai dimensi sama ada dalam bentuk suara, mesej secara emel, mesej bergambar, mahupun berkongsi pautan maklumat dengan satu klik sahaja. Kebanjiran aplikasi-aplikasi media sosial sekarang seperti *Facebook*, *Wechat*, *Twitter*, *Instagram*, *Telegram* dan sebagainya banyak dikaitkan dengan masalah salah laku dalam kalangan remaja. Kebanjiran media-media sosial memberi ruang kepada remaja untuk mengakses dan meluaskan pengetahuan mereka. Hal ini kerana media sosial merupakan satu media perhubungan yang terkenal pada masa kini (Zamris, 2009).

Penggunaan media sosial memberi ruang kepada remaja untuk terlibat dengan tingkah laku devian seperti masalah keruntuhan akhlak, menyebarkan fitnah dan berita palsu, agresif, kemurungan, buli siber, membazir masa, pornografi dan





anti sosial (Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid, 2012). Ini sepertimana yang rekod yang telah dilaporkan oleh Kementerian Pendidikan sebanyak 13,359 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara telah terlibat dalam masalah sosial sama ada salah laku disiplin berat mahupun yang berunsur jenayah bagi tempoh Januari hingga Jun 2014. Menurut Ketua Pengarah Pelajaran, Khair Mohamad Yusof berkata:

Kesalahan yang dilakukan kumpulan pelajar tersebut melibatkan kes berunsur jenayah, kelucahan, ponteng sekolah, vandalisme dan kes buli. Katanya, daripada jumlah tersebut, seramai 4,568 murid terlibat dalam kes yang berunsur jenayah, termasuk melakukan kegiatan jenayah berat seperti gangsterisme yang membawa kepada siasatan pihak polis (Utusan Online, 7 November 2014).



Pelbagai masalah yang telah dilaporkan rentetan daripada penggunaan media sosial dalam kalangan remaja seperti remaja lari mengikut kekasih, seks bebas, penipuan, buli siber, gangsterisme dan sebagainya. Penggunaan media sosial tanpa kawalan telah menyebabkan peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Contohnya kes pelajar tingkatan dua yang dilaporkan dirogol secara bergilir akibat terpedaya dengan kekasih yang dikenali melalui aplikasi wechat (Berita Harian, 20 September 2016).

Selain itu juga, kesan penggunaan media sosial menyebabkan remaja bertingkah laku devian dapat kita lihat dalam kes Nur Amirah Athirah Abdul Majid.







Pada tahun 2016, pelajar berusia 14 tahun itu telah menipu dia diculik supaya dapat bersama dengan kekasihnya yang baru dikenali selama seminggu. Ini telah membuktikan bahawa aplikasi-aplikasi ini mendorong kepada masalah sosial yang melibatkan remaja pada zaman sekarang. Justeru, ketagihan pengguna melayari media sosial akan mendorong kepada tingkah laku devian remaja (Pempek, Yermolayeva, & Calvert, 2009). Kini, remaja menggunakan media sosial tanpa memikirkan kesan dan akibat daripada penggunaan aplikasi tersebut. Ini seperti kes yang dilaporkan baru-baru ini apabila seorang remaja yang merupakan pelajar sekolah telah menggunakan media sosial *Facebook* untuk memuat naik status yang menfitnah, menghina mengenai kematian Ketua Menteri Sarawak tanpa memikirkan kesan akibat penulisan beliau yang akhirnya menjadi kes polis apabila netizen mula menyebarkan status tersebut (Suara TV Blogspot, 2017). Hukuman yang dikenakan ibarat tidak memberi kesan kepada mereka sehingga mereka tidak takut untuk melakukan tingkah laku devian di media sosial.

Berdasarkan laporan kajian kebangsaan mengenai keselamatan siber sekolah, lebih 70% pelajar telah terlibat dengan gejala buli siber. Kebanyakan mereka yang terlibat adalah berusia lingkungan 13 hingga 15 tahun. Mereka yang terlibat dengan gejala buli siber acap kali memuat naik status yang kurang sopan di media sosial. (Utusan Online, 8 November 2017).





Menurut Siti Ezaleila Mustafa (2011), penggunaan media sosial disebabkan oleh beberapa faktor seperti pendidikan, perniagaan, mencari rakan, berseronok, mendapatkan maklumat dan lain-lain lagi. Menurut Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Shamsul Amri Baharuddin berkata:

Walaupun ia telah menjadi alat yang berkesan untuk berkongsi maklumat, media sosial juga telah disalah gunakan untuk menyebarkan fitnah dan maklumat salah. Pembangunan media sosial sejak kebelakangan ini telah memberi kesan kurang sihat terhadap perpaduan negara. (Berita Harian, 30 Jun 2015)



Masalah sosial dalam kalangan pelajar memberi kesan keatas diri remaja itu sendiri dan juga turut mempengaruhi orang lain. Kepesatan teknologi yang semakin canggih dikaitkan dengan salah satu penyebab kepada penularan masalah sosial dalam kalangan remaja. Hal ini kerana, remaja lebih banyak menghabiskan masa bersama dengan gadget-gadget yang mereka miliki. Berdasarkan laporan yang diperolehi dari Hootsuiit dan We Are Social (2018), 75 peratus pengguna media sosial menghabiskan sekurang-kurangnya tiga jam di laman media sosial.

Namun, apa yang membimbangkan pada hari ini, tingkah laku devian dalam kalangan remaja semakin berleluasa. Saban hari, isu yang berkaitan dengan salah laku remaja dilaporkan di media-media massa. Perkara ini jelas membuktikan semakin pesat kemajuan teknologi, semakin banyak remaja yang terlibat dengan





salah laku. Hal ini, jika tidak dicegah dengan segera dan sebaik yang mungkin ia boleh memberi kesan negatif di masa akan datang. Oleh itu, pengkaji merasakan kewajaran untuk mengetahui hubungan penggunaan media sosial dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja sejajar kemajuan teknologi yang ada pada masa kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmanakah penggunaan media sosial telah menyumbang kepada tingkah laku devian remaja di Johor Bahru.

#### 1.4 Tujuan kajian

Ketagihan remaja menggunakan media sosial pada zaman ini merupakan satu fenomena yang perlu dipandang serius oleh seluruh lapisan masyarakat. Penggunaan media sosial yang tanpa had mendorong kepada masalah-masalah lain terutamanya mendorong kepada tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Kepesatan teknologi zaman sekarang telah memberi satu ruang kepada masyarakat untuk meluaskan lagi pengetahuan mereka khususnya remaja. Media sosial merupakan satu wadah yang amat baik untuk meluaskan lagi pengetahuan jika digunakan dengan baik dan bijak.

Peningkatan pengguna media sosial pada hari ini amat membimbangkan. Ini kerana saban hari pelbagai informasi-informasi yang diperolehi daripada jaringan sosial tersebut yang mana kandungannya tidak dapat dipastikan kesahan kandungannya. Penularan penyebaran maklumat atau lebih dikenali dengan aktiviti





*viral* pada hari ini amat membimbangkan. Hal ini kerana ia dijadikan satu tujuan pengguna melayari atau menggunakan media sosial. Kerajaan mengambil serius akan fenomena ini apabila pelbagai kempen dilancarkan untuk menyedarkan orang ramai khususnya pengguna media sosial mengenai adab-adab menggunakan media sosial. Oleh itu, pengkaji merasakan kewajaran untuk mengkaji penggunaan media sosial dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja kerana ia merupakan satu fenomena yang serius pada hari ini selaras dengan kepesatan teknologi pada masa kini.

Kajian ini juga direka untuk memberi panduan kepada semua pihak bagi mengenal pasti kesan penggunaan media sosial dan memberi maklumat kepada mereka bagi mencari alternatif untuk mencegah fenomena tersebut. Hasil kajian ini akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan tepat mengenai fenomena yang berlaku di negara ini. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti hubungan penggunaan media sosial dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja khususnya di Johor Bahru.





## 1.5 Objektif Kajian

Objektif khusus dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti jenis-jenis media sosial yang menjadi kegemaran remaja di Johor Bahru.
- ii. Untuk mengenal pasti bentuk-bentuk tingkah laku devian yang dominan akibat penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Johor Bahru.
- iii. Untuk mengenal pasti tingkah laku devian yang dominan akibat penggunaan media sosial mengikut jantina.
- iv. Untuk mengenal pasti perbezaan kekerapan menggunakan aplikasi media sosial mengikut jantina.
- v. Untuk mengenal pasti perbezaan tingkah laku devian fitnah akibat penggunaan media sosial mengikut jantina.
- vi. Untuk mengenal pasti perbezaan tingkah laku devian penipuan akibat penggunaan media sosial mengikut jantina.
- vii. Untuk mengenal pasti perbezaan tingkah laku devian lucah akibat penggunaan media sosial mengikut jantina.
- viii. Untuk mengenal pasti perbezaan tingkah laku devian buli akibat penggunaan media sosial mengikut jantina.
- ix. Untuk mengenal pasti hubungan antara pola penggunaan media sosial dengan kesan terhadap tingkah laku devian remaja.





## 1.6 Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan iaitu:

- i. Apakah jenis media sosial yang menjadi kegemaran remaja di Johor Bahru?
- ii. Apakah bentuk-bentuk tingkah laku devian yang paling dominan akibat penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di Johor Bahru?
- iii. Apakah bentuk-bentuk tingkah laku devian yang dominan akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kekerapan menggunakan aplikasi media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru?
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian fitnah akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru?
- vi. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian penipuan akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru?
- vii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian lucah akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru?



- viii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian buli akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan di Johor Bahru?
- ix. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pola penggunaan media sosial dengan kesan terhadap tingkah laku devian remaja di Johor Bahru?

### 1.7 Hipotesis Kajian

- i. Tidak terdapat perbezaan signifikan antara kekerapan menggunakan aplikasi media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor.
- ii. Tidak terdapat perbezaan signifikan antara tingkah laku devian fitnah akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru.
- iii. Tidak terdapat perbezaan signifikan antara tingkah laku devian penipuan akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru.
- iv. Tidak terdapat perbezaan signifikan antara tingkah laku devian lucah akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru.



- v. Tidak terdapat perbezaan signifikan antara tingkah laku devian buli akibat penggunaan media sosial mengikut jantina dalam kalangan remaja di Johor Bahru.
- vi. Tidak terdapat hubungan signifikan antara pola penggunaan media sosial dengan kesan terhadap tingkah laku devian remaja di Johor Bahru.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting kepada pelajar, ibu bapa, guru-guru, pihak sekolah dan juga masyarakat bagi mengenal pasti hubungan penggunaan media sosial dan kesan terhadap tingkah laku devian remaja mencari inisiatif dalam membendung permasalahan tersebut.

### 1.8.1 Remaja

Hasil kajian ini boleh membantu memberi pendedahan kepada remaja mengenai kesan-kesan penggunaan media sosial sekiranya tidak digunakan dengan baik dan telus dan ia akan memberi impak negatif kepada masa depan remaja jika tidak dicegah dari awal. Kajian ini diharapkan dapat memberi informasi kepada remaja serta menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran dalam diri remaja agar menjadi







individu yang berdaya saing, berpengetahuan tinggi serta mempunyai sahsiah diri yang muri demi masa depan mereka.

### 1.8.2 Ibu bapa

Kajian ini diharapkan dapat membantu ibu bapa untuk mengenal pasti tingkah laku dan personaliti anak-anak mereka kerana perhatian dan pemantauan dari ibu bapa merupakan salah satu aspek yang penting dalam perkembangan diri pelajar. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi pendedahan kepada ibu bapa mengenai kesan penggunaan media sosial terhadap perkembangan tingkah laku anak-anak mana ia akan menentukan hala tuju masa depan remaja.



### 1.8.3 Guru-guru

Dari hasil kajian ini diharapkan guru-guru dapat mengenal pasti tingkah laku devian remaja khususnya pelajar sekolah kerana peningkatan bilangan pelajar sekolah yang terlibat dengan tingkah laku devian meningkat dari hari ke hari. Kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada guru-guru mengenai penyumbang kepada tingkah laku devian pelajar di sekolah khususnya serta diharap guru dapat membimbing mereka kearah sikap yng positif melalui program-program intervensi. Di harapkan agar guru lebih peka kepada perubahan tingkah laku pelajar sekolah





kerana keprihatinan daripada guru-guru dapat membendung kepada permasalahan gejala tersebut.

#### **1.8.4 Pihak Sekolah**

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah membuat langkah-langkah pencegahan atau program intervensi dalam mengenal pasti tingkah laku devian yang melibatkan pelajar khususnya, yang mana peranan sekolah amat penting dalam memupuk sahsiah diri yang baik dalam diri remaja. Dapatan kajian ini juga, diharapkan dapat membantu pihak sekolah dalam merangka peraturan-peraturan dan suasana yang bersesuaian dalam menjadikan sekolah tempat yang kondusif dan selamat kerana sekolah merupakan salah satu agen sosialisasi. Dengan itu, diharapkan agar kajian ini memberi pendedahan dan maklumat kepada pihak sekolah dalam membendung masalah penggunaan media sosial dalam kalangan remaja khususnya pelajar.

#### **1.8.5 Masyarakat**

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada mereka tentang padah penggunaan media sosial yang berleluasa dan ketagihan yang mana ia akan memberi masalah kepada pembangunan negara jika tidak dibendung dari awal. Hal ini





kerana, remaja merupakan aset penting untuk negara dimasa hadapan. Peningkatan penglibatan remaja dengan tingkah laku devian akan mengganggu hala tuju negara dimasa akan datang. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada masyarakat dalam membantu menangani masalah salah laku remaja dengan lebih efisien dan efektif. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat untuk menyediakan persekitaran yang selamat, baik dan positif kepada mereka kerana dengan adanya persekitaran yang sihat, ia mampu mempengaruhi remaja supaya berfikiran positif dan bertingkah laku yang baik.

### 1.9 Limitasi Kajian



Kajian ini terbatas kepada sebuah negeri sahaja dan ia tidak menggambarkan keseluruhan di negara ini. Hal ini adalah kerana faktor kekangan masa, kewangan dan faktor lain yang tidak dapat di elakkan semasa membuat kajian. Selain itu juga, kajian ini hanya terbatas kepada remaja yang berusia lingkungan 13 hingga 21 tahun sahaja. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dan ia dijalankan sekali sahaja dalam tempoh tertentu. Selain itu juga, kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data dan ini memerlukan kejujuran dan keikhlasan responden dalam memberi maklumat yang sahih bagi mendapatkan data dalam relevan dalam kajian ini. Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini amat bergantung kepada kejujuran jawapan daripada responden.



## 1.10 Definisi Operasi

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini akan diperjelaskan mengikut konteks kajian ini.

### 1.10.1 Media Sosial

Menurut Kaplan dan Haenlein (2010) media sosial merupakan satu jaringan internet dan menggunakan web 2.0 yang digunakan untuk berkomunikasi tanpa meliputi ruang dan masa. Media sosial dijadikan wadah untuk berkomunikasi, mencari maklumat dan dijadikan satu platform untuk berhubung tanpa mengira tempat dan waktu dan boleh diakses pada bila-bila masa. *Facebook, wechat, Twitter, Instagram, Linked* merupakan jaringan media sosial yang ada pada hari ini. Dalam kajian ini, media sosial adalah merujuk kepada jenis-jenis media sosial yang menjadi kegemaran remaja pada zaman sekarang.

### 1.10.2 Remaja

Menurut Abd Majid dan Rahill Mahyuddin (1997), remaja merupakan satu zaman yang bermula dari baligh dan berakhir apabila seseorang itu menjadi dewasa. Zaman remaja merupakan zaman “*storm and stress*”. Azizi et al.(2005) mendefinisikan



remaja sebagai mereka yang berusia dalam lingkungan 11 hingga 21 tahun yang mana ia merupakan satu fasa perubahan dari kanak-kanak ke dewasa. Dalam kajian ini, remaja adalah merujuk kepada mereka yang berusia 13 hingga 21 tahun di Johor Bahru.

### 1.10.3 Tingkah laku devian

Menurut Azizi et al. (2005), Menyatakan bahawa tingkah laku devian membawa maksud tingkah laku yang melanggar norma-norma masyarakat tertentu. Albert Cohen (dalam Azizi et al., 2005) mentakrifkan tingkah laku devian sebagai kelakuan yang melanggar jangkaan yang diinstitusikan, iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial. Tingkah laku devian yang sering dikaitkan dalam media sosial adalah buli siber, fitnah, *sexual*, dan *hate group* (Sebahattin Ziyanak, 2014). Dalam kajian ini, tingkah laku devian adalah merujuk kepada jenis-jenis penyimpangan tingkah laku dalam penggunaan media sosial.

### 1.10.4 Fitnah

Menurut Davis (2002), secara umumnya, fitnah boleh ditakrifkan sebagai satu kenyataan bertulis (atau ucapan) yang tidak benar yang boleh menyebabkan seseorang itu dibenci, dicemuh dan dihina oleh masyarakat tanpa mengetahui





kebenarannya. Fitnah adalah penerbitan kenyataan-kenyataan yang menunjukkan reputasi seseorang dan berkecenderungan menurunkan seseorang dalam penilaian ahli-ahli masyarakat yang berfikiran waras amnya, atau membuat mereka menjauhi atau mengelakkanya sehingga memberi keaiban kepada orang lain (Saleem & Sankaran, 2000). Oleh itu, dalam kajian ini, fitnah merujuk kepada perbuatan-perbuatan yang dilakukan untuk memalukan atau menjatuhkan seseorang dengan niat.

#### 1.10.5 Penipuan



Menurut Agus Rusmana (2015), penipuan merupakan satu tindakan seseorang atau kumpulan yang bertujuan untuk memperdayakan orang lain agar mempercayai apa yang mereka sampaikan. Secara umumnya, penipuan boleh ditakrifkan sebagai tindakan memujuk orang lain dengan tipu muslihat, melemparkan kata-kata bohong, menggunakan identiti dan keadaan palsu agar ia memberi kesan terhadap orang lain (Anwar, 1979). Dalam kajian ini, penipuan merujuk kepada tingkah laku pemalsuan identiti, pembohongan, serta penyebaran maklumat palsu agar mendatangkan keuntungan pada diri dan membawa kesan terhadap orang lain.





### 1.10.6 Lucah

Menurut Wan Fadhilah (2012), lucah amat sinonim dengan pornografi. Lucah ditakrifkan sebagai satu tindakan yang merangkumi bahan bertulis atau visual yang bertujuan untuk merangsang melakukan seksual serta bertujuan untuk memberahikan pengguna atau pembaca. Manakala, Thomas (2007), mentakrifkan lucah sebagai tindakan terhadap orang lain untuk tujuan seksual, pencabulan serta mengganggu emosi orang lain. Lucah merangkumi gambar, tulisan atau bahan-bahan yang berunsur seks. Oleh itu, dalam kajian ini, lucah ialah satu tindakan yang berupa penyebaran gambar atau video yang memalukan orang dan penyebaran mesej-mesej yang berunsur seks serta tingkah laku yang meningkatkan ransangan seksual di



### 1.10.7 Buli

Menurut ((Ybarra & Mitchell, 2004) didalam Tanya Beran & Qing Li, 2007) buli siber merupakan tingkah laku yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seperti telefon bimbit, kamera video, e-mel, dan laman web untuk menghantar atau menghantar mengganggu atau mesej yang memalukan orang lain sama ada sengaja mahupun tidak sengaja.




Manakala Razali (2008), mendefinisikan buli siber sebagai penyebaran maklumat palsu, penghinaan berbentuk tulisan dan cercaan serta berbentuk mengugut melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), media sosial dan Internet serta rakaman video dan gambar yang disebar dalam kalangan masyarakat boleh memberi kesan terhadap mangsa.

Menurut Willard (2003), terdapat tujuh kategori didalam buli siber iaitu *flaming, online harassment, cyberstalking, denigration (put-downs, masquerade, outing, dan exclusion*. Justeru itu, melalui definisi buli siber ini, ia dapat memberi fahaman tentang apa itu buli siber dan definisi ini digunakan oleh penyelidik untuk menghasilkan item soal selidik berkaitan buli siber.



### 1.11 Kerangka Teori



*Rajah 1.1.* Kerangka Teori Hubungan Penggunaan Media Sosial dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja

Berdasarkan Rajah 1.1, kerangka teori tersebut menjelaskan perkaitan antara teori-teori yang menjelaskan fenomena tersebut. Gabungan beberapa teori telah dipilih oleh pengkaji selari dengan pendekatan yang digunakan oleh teor-teori tersebut untuk menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini.

Teori kepuasan dan kegunaan digunakan kerana ia menerangkan kenapa dan bagaimana media itu dapat memberi kepuasan kepada penggunanya. Lantaran itu juga, berdasarkan teori ini ia menjelaskan motif-motif penggunaan media sosial tersebut. Oleh itu, pengkaji memilih teori ini sebagai salah satu pendekatan dalam kajian ini kerana ia bersesuaian dengan kajian ini bagi menjelaskan fenomena penggunaan media sosial yang semakin meningkat saban hari.



Manakala pendekatan teori sistem kebergantungan media pula menjelaskan bahawa masyarakat amat bergantung kepada fungsi media dalam kehidupan mereka. Oleh itu pendekatan teori ini amat bersesuaian dengan kajian ini kerana dalam kajian ini pengkaji menfokuskan bagaimana media sosial itu memberi kesan kepada remaja khususnya dalam pembentukan tingkah laku devian.

Bagi menjawab persoalan kajian dalam kajian ini, pengkaji menghubungkan kaitakn fenomena yang berlaku dengan pendekatan yang dijelaskan dalam teori ekologi media dan juga teori pilihan rasional. Penggunaan teori-teori dalam menghuraikan senario ini kerana berdasarkan dua teori tersebut ia menyatakan bahawa setiap perkara terjadi didorong oleh sesuatu perkara. Dalam kajian ini, pengkaji melihat jantian dan pola penggunaan mendorong kepada pembentukan tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Hal ini kerana menurut teori-teori tersebut peluang dan ruang yang ada dalam media sosial mempengaruhi perbuatan dan tindakan seseorang. Kesimpulannya, teori-teori tersebut menjelaskan bagaimana penggunaan media sosial itu membawa kepada pembentukan tingkah laku devian dalam kalangan remaja khususnya di Johor Bahru.







Penggunaan media sosial yang semakin menjadi ketagihan dalam kalangan remaja merupakan satu fenomena yang menyebabkan remaja banyak menghabiskan masa dengan melayari media tersebut. Ketagihan tersebut mendorong mereka untuk memilih sama ada untuk bertingkah laku positif mahupun negatif yang akhirnya akan membentuk identiti seseorang itu. Kerangka ini juga memberi petunjuk mengenai analisis inferensi yang dijangka iaitu melihat perbezaan kekerapan menggunakan aplikasi media sosial mengikut jantina dan juga perbezaan bentuk-bentuk tingkah laku devian akibat penggunaan media sosial mengikut. Selain itu, kajian ini akan menganalisis perhubungan antara pola penggunaan media sosial dengan kesan terhadap tingkah laku devian. Kesimpulannya, hasil daripada kerangka konsep ini akan menjelaskan pengaruh penggunaan media sosial keatas tingkah laku devian remaja.





## 1.12 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan mengenai latar belakang, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, kepentingan, skop kajian dan batasan kajian, dan takrifan pemboleh ubah yang terlibat. Remaja dan aplikasi di media sosial merupakan aspek utama dalam kajian ini.

Bab selanjutnya akan membahas tentang teori dan keaksaraan di belakang setiap pemboleh ubah. Kajian mengenai penggunaan media sosial dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja diharap dapat memberikan gambaran yang tepat untuk menilai sama ada penggunaan media sosial mempunyai kesan yang

